



**BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Galeria PJH, Aras 6, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel. : 03-8888 3837
Faks. : 03-8888 2111

Ruj. Kami : JPPKK.BAPP.800-5/1/6 Jld.3 (42)
Tarikh : 21 Februari 2025

**Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Melalui dan salinan
Pengarah Politeknik**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**HEBAHAN TAWARAN BIASISWA YAYASAN KUOK BERHAD :
BIASISWA UNTUK DIPLOMA 2025 POLITEKNIK AWAM MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian YBrs. Dr./tuan/puan kepada perkara tersebut di atas beserta surat Yayasan Kuok Berhad bertarikh 20 Februari 2025 yang dilampirkan bersama.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Yayasan KUOK Berhad** berhasrat meneruskan **penawaran biasiswa kepada pelajar Diploma di politeknik bagi tahun 2025** yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. pemohon adalah warganegara Malaysia;
- ii. kelayakan akademik:
 - (a) sekurang-kurangnya **4 kepujian dalam SPM** bagi mana-mana mata pelajaran seperti berikut – Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains atau satu mata pelajaran yang berkaitan dengan kursus yang dipohon/diikuti **atau**
 - (b) mendapat Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) terkini di politeknik sekurang-kurangnya 3.00 dan ke atas;
- iii. pelajar miskin sahaja; dan
- iv. tidak menerima biasiswa/dermasiswa daripada penaja lain seperti Dermasiswa B40 TVET KPT, Dermasiswa MyBF-YTN, Biasiswa JPA dan lain-lain.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini memohon jasa baik pihak YBrS. Dr./tuan/puan untuk menyebar luas hebahan berhubung pelawaan biasiswa ini kepada pelajar Diploma di institusi YBrS. Dr./tuan/puan. **Permohonan secara dalam talian melalui pautan apply.kuokfoundation.org akan dibuka bermula pada 10 Mac 2025 dan akan ditutup pada 2 April 2025. Seterusnya, penyerahan borang permohonan bercetak kepada pihak Yayasan pula adalah sebelum atau pada 9 April 2025.** Bersama-sama ini dilampirkan maklumat berkaitan hebahan tawaran biasiswa daripada Yayasan Kuok Berhad untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

4. Pihak YBrS. Dr./tuan/puan boleh berhubung terus dengan pihak **Yayasan Kuok Berhad** di **www.kuokfoundation.com** untuk sebarang pertanyaan lanjut.

Perhatian dan kerjasama YBrS. Dr./tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZIRIN BIN ABDUL AZIZ)

Pengarah

Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

s.k.

1. Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Pengarah Kanan (Kompetensi),
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.



KUOK FOUNDATION BERHAD

20 Februari 2025

YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Pejabat Ketua Pengarah, Aras 5, Galeria PJH Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya

YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari

BIASISWA UNTUK PENUNTUT DIPLOMA DI POLITEKNIK AWAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Yayasan Kuok Berhad akan menawarkan biasiswa bernilai sehingga RM12,000/- setahun kepada pelajar yang memerlukan yang sedang mempelajari kursus peringkat diploma di politeknik awam Malaysia.

Tarikh pembukaan permohonan dalam talian adalah pada **10 Mac 2025** dan tarikh tutup pada **2 April 2025**.

Sehubungan dengan ini, kami ingin meminta bantuan dari pihak JPPKK untuk menyebarkan lampiran pengumuman biasiswa yang disertakan untuk maklumat semua politeknik awam Malaysia.

Maklumat lanjut berkenaan biasiswa boleh didapati dari laman web Yayasan Kuok di www.kuokfoundation.com

Bantuan dan kerjasama YBhg. Dato' Dr. dalam perkara ini amat dihargai dan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar
YAYASAN KUOK BERHAD

Ng Teck Seng
Pengurus Besar

sk Tn. Haji Azirin bin Abdul Aziz, Pengarah BAPP